



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 JANUARY 2017

Sultan Johor tidak minat berhujah dengan Tun M

UM - 19/1/2017

KUALA LUMPUR 18 Jan. - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar tidak berminat untuk berhujah dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung dakwaan Forest City di Johor Bahru akan dijual kepada orang asing tanpa sekatan.

Sultan Ibrahim bertitah, baginda telah katakan apa yang perlu diperkatakan mengenai perkara itu.

"Cukup cukuplah. Saya membuat kenyataan yang berdasarkan fakta dan angka, bukannya laporan berita Barat. Saya tidak membuat andaian atau mewujudkan ketakutan, itu sahaja," kata baginda seperti yang dilaporkan oleh *The Star* hari ini.

Dr. Mahathir sebelum ini mendakwa banyak tanah di sekitar Johor Baru telah dijual kepada orang asing tanpa sekatan.

Beliau menimbulkan perkara itu berdasarkan laporan *Bloomberg* yang mendakwa Forest City akan menampung 700,000 rumah baharu yang akan dibeli oleh warga China apabila siap kelak.

Sementara itu pelbagai pihak turut menyanggah beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir termasuk soal 700,000 orang China menjadi warga negara. Kenyataan itu dilihat sengaja memainkan sentimen perkauman.

Ia memandangkan Johor mempunyai undang-undang tanah yang amat sangat ketat ke atas pemilikan asing dan status tanah rizah Melayu.

Selain itu, dakwaan Dr. Mahathir bahawa China akan me-

ngambil alih pekerjaan dan ekonomi rakyat negara ini juga tidak benar kerana apabila pelaburan dari China di bawa masuk ia akan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Johor.

Turut disanggah kenyataan bekas Perdana Menteri itu bahawa Johor akan mempunyai ramai warga asing. Ini berdasarkan fakta beliau sendiri memperkenalkan 'Malaysia Rumah Kedua' yang membolehkan warga asing tinggal di Malaysia selama mana mereka mahu dengan menggunakan pas lawatan sosial.

Dr. Mahathir juga membuat dakwaan tidak benar apabila menyatakan kerajaan menjual tanah kepada China kerana Forest City dibina atas tanah tebus guna, sekali gus bermakna tanah itu sekarang belum wujud lagi.



Waktu Solat



MBSB

SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

	KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya	6.06	7.24	1.27	4.49	7.24	8.37
	PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya	6.13	7.32	1.32	4.54	7.26	8.40
	KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya	5.59	7.17	1.20	4.43	7.19	8.31
	JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya	5.54	7.15	1.18	4.41	7.18	8.31
	KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya	5.29	6.46	12.53	4.16	6.53	8.06